



EON

Epitome of Nature



**TS DR
NOR'AISHAH
HASAN**

SRIKANDI TEKNOLOGI

**OMEGA-3
PERANAN IKAN**

**MAKMAL
MEGA
PERANAN DALAM
BIOLOGI MOLEKUL**

**CANVA
MAKMAL
KOMPUTER MAYA?**


**TEKNOLOGI
PLASTIK
APAKAH KESANNYA?**

**RISK
MANAGEMENT IN
MICROBIOLOGY
LABORATORY**

**KENALI PENYAKIT
IKAN DALAM
MAKMAL**

**PLOGGING:
A NEW TREND IN
ENVIRONMENT?**

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

Tinta Alumni

KENANGAN YANG MENDEWASAKAN

Oleh

ALIIF IHSAAN BIN AKMAL SHUKRI

Alumni Uitm Kuala Pilah

EDITOR: DR AIDA SYAFINAZ MOKHTAR


Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam UiTM dihatiku...

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas kurniaan masa dan ilham untuk saya kongsi sebuah pengalaman emas di UiTM Kuala Pilah.

Pertama sekali, sekalung penghargaan saya ucapkan kepada Ts. Faikah Ismail atas kesudian beliau mempelawa saya bagi sesi perkongsian ini. Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah, staf dan editor majalah ini yang sentiasa bertungkus-lumus untuk menghimpunkan segenap pengalaman para alumni. Semoga untaian pengalaman ini menjadi inspirasi buat warga UiTM Kuala Pilah, khususnya adik-adik yang sedang bertarung minda di dewan kuliah.

Saya, Aliif Ihsaan Bin Akmal Shukri, bekas pelajar Diploma Mikrobiologi (2013-2016) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi (2016-2019) di UiTM Kuala Pilah. Jika diikutkan, saya sudah terbiasa dengan suasana damai Kuala Pilah semenjak saya belajar di Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar bermula pada tahun 2008. 14 tahun berlalu, kini saya masih lagi setia menuntut ilmu sebagai seorang pelajar Sarjana di bumi Kuala Pilah.

Kata pepatah; tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain. Setiap tawa dan air mata yang saya lalui masih kekal sebagai memori terindah yang tidak akan saya lupakan. Sebagai seorang pelajar yang sukakan suasana hijau dan damai, saya jatuh cinta dengan UiTM Kuala Pilah sewaktu kali pertama saya melangkah sebagai pelajar Diploma. Mungkin daripada perspektif pelajar biasa, UiTM Kuala Pilah hanyalah sebuah kampus yang terpencil di tengah-tengah hutan dan desa, jauh daripada keseronokan hidup di bandar. Namun, jika ditanya kepada majoriti alumni UiTM Kuala Pilah, kampus ini ada keunikannya yang tersendiri yang tiada tolok bandingnya. Kalau hendak diceritakan, terlalu banyak kebahagiaan yang kami alami.



Gambar 1. Penulis dan rakan-rakan ketika menyertai aktiviti lawatan ke MARDI Klang, Selangor dan Kem Kepimpinan Pewaris Bangsa UiTM di Pengkalan Balak, Melaka

“Bersenam di pagi hari dalam suasana berkabus seperti di Cameron Highland, tidur malam yang ditemani bunyi unggas, mandi-manda pada hujung minggu di jeram Beting, serta berbasikal di waktu petang sambil diiringi kawanan lembu peliharaan orang kampung. Keunikan inilah yang semestinya tidak ada di tempat lain; *Made in Pilah and only in Pilah.*” – Aliif Ihsaan

7 tahun di Kuala Pilah, saya amat bersyukur kerana berpeluang menuntut ilmu daripada barisan pensyarah yang sangat hebat. Mereka ibarat guru di dalam kelas, dan seorang ibu atau bapa di luar waktu kuliah. Terlalu besar jasa mereka buat kami para pelajar. Di samping pembelajaran mengikut jadual, para pensyarah saya turut mengambil inisiatif untuk mengajar di luar waktu kelas. Antaranya melalui *one-to-one consultation*, kelas atas talian, sesi tutor hujung minggu serta lawatan sambil belajar (*field trip*). Antara tempat menarik yang kami lawati sewaktu bergelar pelajar adalah MARDI Klang, Pusat Rawatan Air SAINS di Jelebu; Pusat Rawatan Air Indah Water di Port Dickson, Pusat Biodiversiti Glami Lemi di Jelebu, serta Zoo Negara di Kuala Lumpur. Jika diikutkan, jadual sebagai seorang pelajar sangatlah padat sehingga memerlukan sesi tambahan untuk pemahaman yang lebih berkesan. Syukur alhamdulillah, Tuhan hadirkan barisan pensyarah yang tidak pernah berkira tentang soal masa dan tenaga mereka. Selagi ada kudrat dan peluang, selagi itulah mereka akan terus mendidik kami untuk menjadi pelajar yang berjaya.

Kenangan sewaktu melaksanakan projek tahun akhir atau *Final Year Project (FYP)* masih segar dalam ingatan saya. Berbekalkan minat yang mendalam dalam bidang genetik dan biologi molekular, saya telah menjalankan kajian bertajuk '*Isolation and Identification of Potential Pathogenic Bacteria in Satay Sample in Kuala Pilah, Negeri Sembilan by using PCR Method*'. Projek ini bermula dengan pengambilan sampel sate dari gerai sate Pasar Malam Melang yang memang terkenal dengan keunikannya. Jika ada pembaca yang berminat, bolehlah luangkan sedikit masa pada hari Jumaat di tapak Pasar Malam Melang berdekatan Pasaraya Econsave. Saya pasti anda akan berpuas hati. Berbalik kepada kajian FYP saya, pelaksanaannya agak sukar kerana perlu bijak mengimbangkan masa antara kuliah semester akhir, kegiatan kokurikulum dan projek FYP. Atas sebab itu, saya telah memulakan kajian FYP lebih awal, iaitu sewaktu cuti semester 4.

Lokasi kampus yang boleh dikatakan agak dekat dengan rumah keluarga di Seremban telah memudahkan perjalanan saya untuk kajian ini. Alhamdulillah, segalanya berjalan lancar dan saya berjaya menyiapkan kajian pada pertengahan semester 5.



Gambar 2. Bergambar kenangan selepas pembentangan FYP bersama rakan-rakan sekuliah AS2015B2

Berkat kesungguhan dan didikan para pensyarah, saya berjaya menamatkan pengajian dengan keputusan yang sangat cemerlang. Saya mendapat Anugerah Dekan bagi dua semester berturut-turut, iaitu Semester 2 dan 3. Walaupun besar harapan saya untuk menggapai Anugerah Naib Canselor, namun Tuhan lebih mengetahui. Saya berjaya mendapat gred purata keseluruhan (CGPA) 3.35 untuk peringkat Diploma dan 3.40 untuk Ijazah Sarjana Muda. Biarpun tidak dapat menyarung selempang merah jambu, saya tetap bersyukur kerana kegembiraan sebenar adalah terletak pada senyuman dan sorakan para pensyarah, ahli keluarga serta sahabat-handai semasa hari saya bergraduasi

“Masih segar di ingatan sewaktu dinobatkan sebagai penerima Anugerah Graduan Terbaik Kategori Khas (Akademik dan Kokurikulum) bagi Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-91 Cawangan Negeri Sembilan. Insan pertama yang memeluk saya ketika itu adalah Allahyarham Dr. Rosli Noormi, bekas pensyarah UiTM Kuala Pilah yang sudah saya anggap sebagai seorang bapa. Sedikit terkilan, kini saya sudah tidak lagi boleh berkongsi kejayaan dengan beliau kerana Allah lebih menyayanginya. Apa yang boleh saya hadiahkan kini hanyalah Al-Fatihah dan doa untuk kesejahteraan beliau. Besar harapan saya agar para pembaca sekalian juga dapat menyedekahkan Al-Fatihah untuk Allahyarham. Semoga tanda ingatan ini dapat menjadi asbab untuk kita terus dirahmati dan disayangi Allah S.W.T. “ – Aliif Ihsaan.

Dari sudut kokurikulum, saya menyandang jawatan Presiden Kelab Debat dan Pidato UiTM Negeri Sembilan (DEPNES). Sepanjang pengajian saya di UiTM, saya telah mewakili kampus Kuala Pilah dan UiTM Malaysia dalam beberapa pertandingan debat seperti Pertandingan Debat Ekonomi Johor, Debat Piala Naib Canselor UiTM, Cabaran Debat Muda UTP, Kejohanan Debat Diraja, dan Debat Terbuka Kenyalang. Selain itu, saya turut menyertai pertandingan pidato dan pengucapan awam di seluruh Malaysia seperti Ikon Inspirasi Varsity Kebangsaan, Pidato ASEAN Piala Aminuddin Baki, Pidato Negaraku Peringkat Negeri Sembilan serta Pidato Belia anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.



Gambar 3. Tangkap layar Anugerah Graduan Terbaik (Kategori Khas) Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-91

Jika dinilai satu persatu, setiap pertandingan yang disertai sangat sukar untuk dilupakan. Namun, kenangan yang terindah pastinya sewaktu saya dinobatkan sebagai pemenang Tempat Ketiga Pertandingan Pidato ASEAN Peringkat Antarabangsa dan Tempat Kedua daripada 154 pendebat dalam Pertandingan Debat Piala Naib Canselor UiTM se-Malaysia. Ada juga pertandingan lain yang berjaya saya juarai, namun dua anugerah ini saya kira yang paling istimewa. Diundi untuk bertemu dengan pasukan yang rata-rata ahlinya adalah pelajar jurusan Undang-undang dan Pengurusan, saya menjadi lebih gementar. Adakah seorang anak muda pelajar sains seperti saya boleh mengalahkan pencabar yang rutinnya memang petah berbicara? Ternyata rezeki lebih menyebelahi saya. Kini, saya mengambil tugas sebagai seorang jurulatih bagi melahirkan lebih ramai pendebat dan pemidato dari pelbagai institusi pengajian. Perjalanan saya di UiTM Kuala Pilah tidak terhenti di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Buat masa ini, saya sedang menunggu untuk pembentangan akhir atau *viva voce* bagi peringkat Sarjana Biologi Gunaan. Bercerita tentang pengajian Sarjana, keputusan saya untuk mengambil mod penyelidikan bagi peringkat ini adalah sesuatu yang sangat menguntungkan. Semenjak 2020, saya telah bergiat aktif dalam projek biakbaka mutasi bagi tanaman padi dengan kerjasama antara Agensi Nuklear Malaysia, MARDI dan UiTM. Di bawah seliaan Dr. Nor 'Aishah Hasan, saya telah berjaya menyiapkan sebuah kajian yang bertajuk '*Agronomic Performance and Genetic Analyses of Resistance to Xanthomonas oryzae pv oryzae in Rice Mutant Lines (Oryza sativa L.)*'. Secara asasnya, kajian saya berkisar tentang pembiakan spesies padi yang telah didedahkan kepada sinaran nuklear iaitu sinar gama (*gamma irradiation*). Spesies ini dibiakbakakan selama tiga generasi untuk menghasilkan sebuah varian padi tempatan yang berhasil tinggi dan rintang kepada penyakit hawar daun bakteria; satu penyakit padi yang sangat serius di Malaysia.

Projek ini sangat menarik kerana saya berpeluang untuk mengembara serata Malaysia seperti ke Pulau Pinang dan Sekinchan, Selangor untuk melaksanakan kajian lapangan (*field test*). Di samping itu, saya juga berpeluang untuk merasai suasana industri penyelidikan di Agensi Nuklear Malaysia dan MARDI Pulau Pinang. Nasihat saya kepada para pembaca, cubalah untuk merasai sendiri suasana industri penyelidikan. Elok kiranya jika kita berjinak-jinak di peringkat latihan industri sebelum benar-benar bekerja selepas tamat pengajian. Sekurang-kurangnya kita akan mendapat pendedahan dengan situasi sebenar industri penyelidikan dengan bekerja di fasiliti yang serba lengkap. Di peringkat pengajian Sarjana, banyak suka-duka yang saya lalui. Pada mulanya, saya merasakan pengajian ini adalah satu kesilapan kerana saya tidak membuat persediaan yang lengkap. Ketiadaan wang simpanan yang mencukupi dan pendedahan kepadaprojek baru yang saya tidak begitu mahir adalah antara faktor yang hampir melunturkan semangat saya. 1 Oktober 2019 adalah tarikh permulaan saya sebagai seorang pelajar Sarjana. Beberapa bulan selepas itu, kajian terpaksa ditangguhkan kerana wabak Covid-19 sudah mula melanda dunia. Kajian saya melibatkan penanaman padi berskala besar yang memerlukan penjagaan rapi setiap minggu. Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, saya berdepan kesukaran kerana tidak boleh memasuki premis penyelidikan. Kebanyakan pokok telah mati kerana tidak mendapat sumber nutrien yang optimum. Saya terpaksa mengulangi dua fasa penanaman yang mengambil masa hampir 8 bulan dari tempoh penyelidikan. Selain itu, saya juga tidak dapat bekerja bagi menambah pendapatan. Saya bertahan dengan hanya berbekalkan RM 500 sebulan, selama hampir setahun. Namun, Alhamdulillah, Pelangi hadir selepas hujan lebat yang melanda. Biarpun dalam kekalutan dunia, saya masih mampu melakar kejayaan berkat tunjuk ajar dan sokongan daripada para penyelia, rakan-rakan dan ahli keluarga. Sewaktu PKP berlangsung, saya berjaya mendapatkan pembiayaan kewangan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui *MARA Graduate Excellence Program (GrEP)*. Segala pembiayaan yuran dan perbelanjaan bulanan ditanggung oleh MARA selama dua tahun pengajian. Ada juga kenangan yang lebih manis untuk dikongsikan. Kisah ini adalah mengenai Anugerah Pembentang Terbaik bagi dua persidangan; *The International Conference on Isotopes (ICI) 2020* dan *The Malaysian International Genetic Congress (MIGC) 2021*. Di sebalik anugerah ini, saya lebih suka untuk bercerita tentang dapatan yang saya peroleh daripada setiap persidangan. Bagi saya, persidangan adalah jalan pantas atau '*fast-track*' untuk para pelajar mendapatkan input dan hubungan rakan akademik yang baru.



Gambar 4. Kenangan sewaktu Pertandingan Pidato ASEAN 2018, bersama peserta dari Thailand, Saudara Adlee Wayayoh Kari



Gambar 5. Projek penanaman padi mutan di Agensi Nuklear Malaysia

Permohonan untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi peringkat Sarjana ditolak satu demi satu kerana kesukaran proses permohonan sepanjang PKP berlangsung. Saya merasa sedih kerana tidak dapat untuk melaksanakan projek mengikut rangka masa yang telah dirancang.

Ratusan projek dibentangkan setiap hari bagi membolehkan para peserta dan pengunjung mendapat input yang meluas. Sejajurnya, saya mendapat idea dan sumber rujukan terkini daripada panel penilaian dan para pembentang yang hadir. Langkah yang dimulakan dengan perbualan kecil yang akhirnya membawa kepada perbincangan saintifik sesebuah bidang kajian. Perkara ini berjaya menjimatkan masa saya untuk mencari info terkini, di samping menambah kenalan baru untuk peluang kolaborasi projek pada masa hadapan.

Sebelum saya mengakhiri perkongsian ini, suka untuk saya titipkan sedikit tips dan pesanan kepada para pembaca terutamanya pelajar di UiTM Kuala Pilah. Niat saya bukanlah untuk menunjuk-nunjuk, tetapi lebih kepada memberi inspirasi dan tauladan buat semua. Pertama, kepentingan pengurusan masa yang efisien. Sebagai seorang pelajar yang mementingkan akademik dan kokurikulum, pengurusan masa adalah penting agar tiada aspek yang tertinggal atau melebihi yang lain. Pada hemat saya, ia perlu dimulakan dengan mewujudkan sebuah jadual harian dan jadual bulanan. Rutin seorang pelajar perlulah diisi dengan tiga perkara utama iaitu akademik, ibadah dan pengurusan diri. Mulakan hari anda dengan mengerjakan solat sunat dua rakaat sebelum Subuh, membersihkan diri, hadir ke kuliah, solat Dhuha pada waktu lapang, menyiapkan kerja pada masa yang kosong, solat awal pada waktunya, riadah ringan dan tidur awal untuk kembali segar dan sihat untuk menimba ilmu pada keesokan hari. Biasakan diri untuk mengikuti jadual yang dirancang dalam masa dua minggu dahulu, barulah anda akan terbiasa dengan aturannya selepas itu. Kedua, jaga hubungan dengan Tuhan dan sesama manusia. Kekuatan pelajar itu terletak pada izin Tuhan dan toleransi sesama warga kampus, tidak kira pelajar mahupun pensyarah. Jalankan ibadah kita sebagai seorang hamba Allah, mohonlah pertolongan dari-Nya dan sentiasa berdoa agar perjalanan ilmu kita dipermudahkan dari awal hingga ke akhir pengajian.



Gambar 6. Anugerah Pembentang Terbaik dalam dua persidangan antarabangsa yang disertai.

Sebagai seorang warga UiTM pula, banyakan bertanya untuk mendapatkan input, bekerjasama dalam membentuk kejayaan dan sentiasa menghulurkan bantuan untuk rakan-rakan yang kesusahan. Tidak akan berkurang sedikit pun masa dan ilmu jika kedua-dua hubungan ini dijaga. Akhir sekali, sentiasalah berusaha untuk meningkatkan kemahiran diri. Para pelajar seharusnya berani untuk mencuba perkara baru bagi membentuk potensi diri yang mungkin tidak diketahui atau disedari. Bagi saya, kecenderungan untuk mencuba perkara baru adalah faktor terbesar yang mendorong saya berjaya dalam pelbagai bidang. Saya berhasil untuk menggunakan kemahiran komunikasi dalam penyelidikan sehingga mendapat beberapa anugerah. Selain itu, saya turut menggunakan ilmu Biologi yang saya pelajari untuk menambah seri teks pidato dan bahas yang saya sertai. Hasilnya, saya berjaya mengembangkan potensi diri dalam pelbagai bidang yang berbeza. Semoga para pelajar turut terinspirasi untuk menonjolkan prestasi terbaik diri masing-masing. Akhir kalam, semoga perkongsian ini sedikit sebanyak memberi inspirasi dan membuahkan semangat para pelajar UiTM Kuala Pilah. Kita sebagai pelajar jurusan sains seharusnya hebat di atas kertas dan juga berjaya di atas pentas. Maksudnya, para pelajar perlu menjadi seorang yang cemerlang dalam akademik (*on paper*) dan bidang lain (*on stage*). Saya doakan semoga UiTM Kuala Pilah dapat melahirkan lebih ramai pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang sains Biologi, malahan dalam bidang-bidang lain yang dipilih selepas pengajian. Saya masih lagi seorang pelajar UiTM dalam bidang Sarjana dan jika tiada aral, bakal melanjutkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) juga di UiTM. Sesungguhnya, UiTM selamanya dekat di hati saya kerana di sinilah saya belajar tentang pahit dan manis sesebuah kehidupan. Terima kasih buat para pembaca kerana sudi meluangkan masa hingga ke penghujung coretan saya. Semoga yang baik-baik sahaja untuk semua!